





Ibu Tunggal Terima Air Bersih

Pihak SAINS (Syarikat Air Negeri Sembilan) telah mengambil tindakan pantas untuk memasang paip dan pam di rumah Puan Ramlah yang terletak di Kampung Bukit Mayon, Chengkau.

Terima kasih diucapkan kepada pihak SAINS kerana mengambil inisiatif segera dalam membantu golongan yang memerlukan.



Dua premis disyaki curi air diserbu

SEREMBAN - Dua premis diserbu Syarikat Air Negeri Sembilan (SAINS) dan Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) kerana disyaki membuat penyambungan air secara haram.

Ketua Bahagian Perhubungan Awam SAINS, Norzita Ismail berkata, serbuan pertama dilakukan ke atas sebuah hostel dan bengkel kereta di Senawang.

"Siasatan mendapati penghuni premis melakukan penyambungan tidak sah menggunakan paip mudah lentur bersaiz 14mm tanpa melalui sebarang meter.

"Bekalan air yang didapati daripada sambungan tidak sah itu dikenal pasti digunakan untuk aktiviti harian premis tersebut," katanya dalam satu kenyataan pada Khamis.

Menurutnya, serbuan kedua pula dilakukan ke atas sebuah bengkel motosikal di Seremban dan pemeriksaan mendapati penghuni premis membuat penyambungan tanpa melalui sebarang meter SAINS setelah tindakan pemotongan bekalan akibat tunggakan.

Katanya, bekalan air yang diperoleh dipercayai digunakan dalam pelbagai aktiviti harian penghuni premis yang tinggal di tingkat satu dan dua premis.




"Kedua-dua kes disiasat mengikut Seksyen 89(9) Akta Industri Perkhidmatan Air 2006, sabit kesalahan tertuduh boleh dijatuhkan hukuman denda sebanyak RM50,000 atau penjara tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya sekali.

"Ujian klorin yang dilakukan juga menunjukkan bekalan air yang digunakan adalah air terawat milik SAINS," katanya.

Sehubungan itu katanya, pihak SPAN menyita semua punca sambungan yang dibuat sebagai bahan bukti dan mengeluarkan notis makluman kesalahan kepada para penghuni premis berkenaan.

Beliau berkata, SAINS akan terus mempertingkatkan pemantauan serta penguatkuasaan terhadap kegiatan curi air di seluruh Negeri Sembilan tanpa mengira kes yang melibatkan pengguna komersil maupun domestik.

"Tindakan tegas ini merupakan salah satu langkah berterusan dalam mengurangkan kadar kehilangan air tidak berhasil atau pun Non Revenue Water (NRW)," katanya.



Premis disyaki curi air diserbu

29 APRIL 2021

KHAMIS

<https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2021/04/70438/premis-disyaki-curi-air-diserbu>

Seremban: Dua premis di sini yang disyaki melakukan penyambungan air secara haram untuk kegunaan harian sejak dua minggu lepas diserbu Syarikat Air Negeri Sembilan Sdn Bhd (Sains) dalam operasi pada 27 April lalu.

Ketua Bahagian Perhubungan Awam Sains Norzita Ismail berkata, serbuan dilakukan sepasukan pegawai dari Unit Penguatkuasaan Sains serta Bahagian Siasatan dan Penguatkuasaan Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) pada 11 pagi.

Menurutnya, serbuan pertama membabitkan sebuah hotel serta bengkel kereta bagi bangunan sama di Senawang yang disyaki membuat penyambungan tidak sah menggunakan paip mudah lentur bersaiz 14 milimeter (mm) tanpa melalui sebarang meter Sains.

"Serbuan kedua membabitkan sebuah bengkel motosikal di Seremban yang membuat penyambungan menggunakan Tee Off GI bersaiz 25mm selepas tindakan pemotongan bekalan akibat tunggakan bayaran," katanya dalam kenyataan di sini, hari ini

Beliau berkata, bekalan air yang diperoleh itu dipercayai digunakan dalam pelbagai aktiviti harian penghuni premis yang tinggal di tingkat satu dan dua premis itu yang ia terbukti air terawat milik Sains selepas ujian klorin di lokasi berkenaan dijalankan.

Susulan itu, pihaknya menyita semua pemasangan dan punca sambungan yang dibuat sebagai bahan bukti dan mengeluarkan notis makluman kesalahan kepada para penghuni premis berkenaan.

Norzita berkata, akibat kegiatan haram berkenaan menyebabkan Sains mengalami kerugian dianggarkan berjumlah RM2,000.

"Kedua-dua kes disiasat mengikut Seksyen 89(9) Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 dan jika disabitkan kesalahan, tertuduh boleh dijatuhkan hukuman denda sebanyak RM50,000 atau penjara tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya sekali," katanya.

Beliau berkata, Sains akan terus mempertingkatkan pemantauan serta penguatkuasaan terhadap kegiatan curi air di seluruh negeri ini tanpa mengira kes sama ada membabitkan pengguna komersial mahupun domestik bagi mengurangkan kadar kehilangan air tidak berhasil (NRW).

Disiarkan pada: April 29, 2021 @ 4:09pm

Dua premis di N.Sembilan disyaki curi air diserbu

29 APRIL 2021

KHAMIS

[https://www.bernama.com
/bm/am/news.php?id=1957106](https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=1957106)

SEREMBAN, 29 April – Dua premis di sini yang disyaki melakukan penyambungan air secara haram untuk kegunaan harian premis berkenaan sejak dua minggu lepas diserbu Syarikat Air Negeri Sembilan Sdn Bhd (Sains) dalam operasi pada 27 April lalu.

Ketua Bahagian Perhubungan Awam Sains, Norzita Ismail berkata serbuan dilakukan sepasukan pegawai dari Unit Penguatkuasaan Sains serta Bahagian Siasatan dan Penguatkuasaan Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) kira-kira 11 pagi.

Menurutnya, serbuan pertama melibatkan sebuah hotel serta bengkel kereta bagi bangunan sama di Senawang yang disyaki membuat penyambungan tidak sah menggunakan paip mudah lentur bersaiz 14 milimeter (mm) tanpa melalui sebarang meter Sains.

"Serbuan kedua membabitkan sebuah bengkel motosikal di Seremban yang membuat penyambungan menggunakan Tee Off GI bersaiz 25mm setelah tindakan pemotongan bekalan akibat tunggakan bayaran," katanya dalam kenyataan, di sini hari ini.

Beliau berkata bekalan air yang diperoleh itu dipercayai digunakan dalam pelbagai aktiviti harian penghuni premis yang tinggal di tingkat satu dan dua premis itu yang ia terbukti air terawat milik Sains selepas ujian klorin di lokasi berkenaan dijalankan.

Susulan itu, pihaknya menyita semua pepasan dan punca sambungan yang dibuat sebagai bahan bukti dan mengeluarkan notis makluman kesalahan kepada para penghuni premis berkenaan.

Norzita berkata akibat kegiatan haram berkenaan menyebabkan Sains mengalami kerugian dianggarkan berjumlah RM2,000.

"Kedua-dua kes disiasat di bawah Seksyen 89(9) Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 dan jika disabitkan kesalahan, tertuduh boleh dijatuhkan hukuman denda sebanyak RM50,000 atau penjara tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya sekali," katanya.

Beliau berkata Sains akan terus mempertingkatkan pemantauan serta penguatkuasaan terhadap kegiatan curi air di seluruh negeri ini tanpa mengira kes sama ada melibatkan pengguna komersial maupun domestik bagi mengurangkan kadar kehilangan air tidak berhasil (NRW).

– BERNAMA

